



"Tampin Indah Bersih Selamat"

MAJLIS DAERAH TAMPIN,
73000 TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tel: 06-4411601/609 Faks: 06-4413001

E-mel: mdt@mdtampin.gov.my

Laman Sesawang: <http://www.mdtampin.gov.my>

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (**Keutamaan diberikan kepada anak-anak kelahiran Negeri Sembilan**) yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

A. JAWATAN

BIL	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Penolong Jurutera	JA5	<i>Kontrak Interim</i>	2	RM1,650.00	RM6,620.00
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U5	<i>Contract Of Services</i>	1	RM1,650.00	RM6,620.00
3.	Pembantu Khidmat Am	H1	<i>Kontrak Interim/ Contract Of Services</i>	5	RM1,500.00	RM4,680.00

- **Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).**

B. SYARAT LANTIKAN

1. Jawatan dan Gred : PENOLONG JURUTERA GRED JA5

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM2,055.00)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Jawatan dan Gred : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U5

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) (i) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5 : RM1,974.00)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Jawatan dan Gred : PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00);

- dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b))

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)

- (b) (i) Memiliki lesen memandu Kelas E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

C. CARA-CARA MEMOHON

1. Borang permohonan boleh dimuat turun (secara percuma) daripada laman web rasmi Majlis Daerah Tampin di alamat www.mdampin.gov.my
2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan daripada **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas)** seperti berikut
 - i) Gambar warna berukuran passport;
 - ii) My Kad/ Kad Pengenalan;
 - iii) Sijil Kelahiran;
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah;
 - v) Sijil-sijil Persekolahan/ Akademik;
 - vi) Sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang.
3. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang

dikemaskini dan Laporan Prestasi Tahun 2025 (perlu diakui sah oleh Ketua Jabatan di setiap helaian).

4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Pentadbiran Majlis Daerah Tampin tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
6. Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah :

**Yang Dipertua
Pejabat Majlis Daerah Tampin
73000 Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus
(u.p. : Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan)**

D. TARIKH BUKA PERMOHONAN : 13 APRIL 2026 (ISNIN)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 APRIL 2026 (ISNIN)



.....
**(SURIANI BINTI SALIHAN)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TAMPIN**